

ISU-ISU REMAJA SUKA MELEPAK

1. PENGENALAN

“Seorang remaja...
jika dapat melalui cabaran di zamannya
dengan baik, tenang dan penuh kebaikan,
mampu menolak kehendak-kehendak nafsu,
maka percayalah,
dia adalah manusia yang paling berjaya selama hidupnya.
Manakala seorang pemuda yang gagal
Menggunakan zaman remajanya untuk
Mencari kebaikan, rugilah dia
Dan celakalah hidupnya, esok dan
Akan datang.”

Zaman remaja disifatkan zaman yang penuh dengan pancaroba di mana seseorang yang tidak mampu mengendalikan hidupnya dengan baik akan mengalami risiko terkandas dan tercicir dalam perjalanan hidup. Zaman remaja juga dikenali sebagai zaman ikut-ikutan di mana individu suka meniru orang lain dan senang dipengaruhi rakan sebaya. Mereka memerlukan bimbingan dan perhatian daripada ibu bapa, guru dan pemimpin masyarakat.

“Polis menahan 128 remaja di Johor Bahru” (Harian Metro; 16 Julai 2001), “Lepak, Inikah Masalah Sebenarnya Remaja ?” (Tamadun; Ogos, 1994), “12 Pelajar Kutu Rayau Ditahan.” (Harian Metro, 07 Ogos, 2006). Isu remaja yang terlibat dalam berbagai gejala sosial seperti merepak, penyalahgunaan dadah, seks bebas, buangan bayi, merogol sering disiarkan melalui media massa di negara kita. Antara isu-isu remaja ini, isu remaja suka melepak sering menjadi perbualan hangat di kalangan masyarakat. Tingkahlaku remaja yang suka melepak iaitu menghabiskan masa lapang di tempat awam seperti kompleks membeli belah, perhentian bas, tempat hiburan dan tempat tumpuan awam dengan kegiatan yang tidak berfaedah harus diambil berat oleh semua golongan masyarakat dan pemimpin-pemimpin kerana golongan remaja ini adalah aset negara yang akan menerajui kepimpinan negara pada masa akan datang.

Sejak akhir-akhir ini masalah remaja melepak sering disiarkan melalui media massa, dan keadaan ini amat membimbangkan semua pihak terutamanya pihak sekolah dan ibu bapa. Gejala ini didapati semakin serius sehingga terdapat ramai pelajar yang sanggup ponteng sekolah kerana ingin melepak. Menurut kenyataan dari pihak Jabatan Pelajaran, sejak awal tahun 2007, tidak kurang daripada 500 orang pelajar telah dilaporkan ponteng sekolah dan melepak di kompleks-kompleks membeli belah di sekitar kawasan bandar raya Kuala Lumpur. Perkara seperti ini tidak harus dibiarkan berleluasa demi ketenteraman negara. Aktiviti suka melepak oleh golongan remaja bukan sahaja akan merosakkan nilai serta keperibadian remaja, malahan juga akan membawa kepada kes-kes jenayah yang akan mengancam keharmonian dan ketenteraman masyarakat, seterusnya menyebabkan imej negara tercemar.